





PROFIL NEGERI PERLIS

LUAS KAWASAN :
81,931 hektar (819 km persegi)

PENDUDUK :
240,000 orang (tahun 2009)

GUNATANAH UTAMA (tahun 2009) :
• Pertanian (59%)
• Tepubina (24%)
• Hutan (14%)

LATARBELAKANG KAJIAN RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PERLIS 2030

Rancangan Struktur Negeri Perlis (RSN) 2030 merupakan Pelan Pembangunan Strategik yang mengandungi pernyataan dasar, strategi dan cadangan am serta arah tuju pembangunan fizikal Negeri Perlis untuk jangka masa sehingga 2030 dan merupakan asas kepada pembentukan Rancangan Tempatan. Penyediaannya adalah berdasarkan kepada peruntukan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)

MATLAMAT PEMBANGUNAN

"MENGANTARABANGSAKAN NEGERI PERLIS 2030"

KONSEP PEMBANGUNAN

Mengaplikasi konsep "PEMBANGUNAN BERTUMPU DAN KORIDOR UTAMA"

• **Kangar** -

Kuala Perlis - Bandar malim
• Padang Besar - Bandar Sempadan
• Bandar Baru Ulu Pauh - Bandar Ilmu
• **Arau** - Bandar Diraja
• **Beseri** - Pertanian dan pembangunan R&D agrikultur
• **Simpang Empat** - Pusat perkhidmatan penduduk

OBJEKTIF PEMBANGUNAN

- Membangunkan ekonomi berasaskan sumber berpotensi dan memperkenalkan asas ekonomi baru yang inovatif, produktif dan kompetitif.
- Merancang guna tanah dan fizikal yang mampan seiring dengan kriteria pembangunan Perlis Negeri Bandaraya.
- Memelihara dan menguruskan alam sekitar secara bersepadu, cekap dan mampan.
- Membangunkan modal insan berkualiti dan berilmu.
- Meningkatkan tahap kecemerlangan sistem pengurusan dan pentadbiran agensi pembangunan Negeri Perlis.

Peranan Anda...

Anda selaku orang awam adalah berhak untuk mengemukakan pendapat atau bantahan terhadap Laporan Draf Rancangan Struktur Negeri Perlis 2030 yang disediakan melalui program publiiti dan penyertaan awam yang sedang dijalankan bermula 4 April hingga 3 Mei 2011.

Apa yang perlu anda lakukan ?

Semak salinan-salinan Laporan Draf Rancangan Struktur Negeri Perlis 2030 yang disediakan di tempat pameran untuk rujukan. Sekiranya anda berminat, cakera padat (CD) laporan tersebut boleh di beli di kaunter jualan.

Sekiranya anda ingin mengemukakan pendapat atau tidak bersetuju dengan mana-mana cadangan, anda boleh mengisi Borang Penyertaan Awam yang disediakan atau dalam bentuk surat atau memorandum dan dikembalikan kepada :

Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar & Desa Negeri Perlis
Tingkat 3, Blok A, Bangunan Dato' Mahmud Mat
01000 Kangar,
PERLIS
Indira Karyagan
Fax : 04-9753763
web site : http://ipbd.perlis.gov.my

WAWASAN "PERLIS NEGERI BANDARAYA"

- Perancangan guna tanah, kecekapan perkhidmatan sosial, taraf sivil penduduk, kemudahan masyarakat, infrastruktur dan utiliti yang berkualiti dan setaraf dengan status negeri bandaraya.
- Pembangunan ekonomi berasaskan sumber berpotensi dan memperkenalkan asas ekonomi baru yang inovatif, produktif dan kompetitif.
- Pembangunan modal insan dalam aspek pendidikan, program-program keilmuan, keagamaan, warisan dan budaya madani bagi menyokong kepada pembentukan negeri berilmu.
- Pemeliharaan dan pengurusan alam sekitar serta pengekalan aktiviti pertanian sebagai taman landskap semulajadi Negeri Perlis.

DASAR PERANCANGAN UTAMA (DPU)

DPU 1 : PENGUKUHAN EKONOMI ASAS WILAYAH NEGERI YANG BERDAYA SAING BERASASKAN SUMBER BERPOTENSI BAGI MENCAPAI KDNK PERKAPITA TAHUN 2030 MELEBIH RM 22,100

DPU 2 : PENINGKATAN DAYA SAING DAN DAYA TAHAN PERTUMBUHAN EKONOMI BAGI MENGANTARABANGSAKAN NEGERI PERLIS

DPU 3 : PENINGKATAN KUALITI PRODUK PELANCONGAN DAN PERKHIDMATAN BAGI MENGANTARABANGSAKAN INDUSTRI PELANCONGAN NEGERI PERLIS

DPU 4 : PEMBANGUNAN GUNA TANAH SECARA TERANCANG BAGI MENGGALAKAN KEMASUKAN PELABUR DAN MENINGKATKAN TAHAP EKONOMI

DPU 5 : PEMBANGUNAN PERUMAHAN BERKUALITI, MENCUKUPI DAN MAMPU MILIK

DPU 6 : PENGUKUHAN STRUKTUR EKONOMI PUSAT PERTUMBUHAN DESA DAN PETEMPATAN DESA

DPU 7 : PENYEDIAAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG MENCUKUPI, BERKUALITI DAN MUDAH DIKUNJUNGI

DPU 8 : PENINGKATAN TAHAP KEMUDAHSAIPAAN DAN MOBILITI MELALUI PENYEDIAAN KEMUDAHAN PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN EFISIEN

DPU 9 : PENYEDIAAN SISTEM INFRASTRUKTUR PINTAR BAGI MENYOKONG PEMBANGUNAN PERLIS NEGERI BANDARAYA

DPU 10 : PENGINTEGRASIAN ASPEK PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR DALAM PEMBANGUNAN GUNA TANAH DAN FIZIKAL

DPU 11 : PENGURUSAN ALAM SEKITAR MELALUI PERLINDUNGAN, PEMELIHARAAN DAN PENGAWALAN AKTIVITI PEMBANGUNAN GUNA TANAH DAN FIZIKAL

DPU 12 : SASARAN PENDUDUK NEGERI PERLIS 355 RIBU ORANG PADA TAHUN 2030

DPU 13 : PEMANTAPAN SISTEM PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN AGENSI PEMBANGUNAN NEGERI PERLIS BAGI MENCAPAI WAWASAN PERLIS NEGERI BANDARAYA 2030

Kriteria	Pencapaian Semasa	Sasaran 2030
KDNK Tahun 2009	Perlis : RM 2,810 juta Melaka : RM 14,445 juta Malaysia : RM 521,095 juta	RM 7,800 juta
KDNK Per Kapita Tahun 2009	Perlis : RM 11,662 Melaka : RM18,777 Malaysia : RM 18,409	RM 22,100
Sektor Tertier dalam KDNK	Perlis : 54% Melaka : 49% Malaysia : 58%	66%
Jumlah Kemasukan Pelancong Tahun 2008	Perlis : 0.56 juta Melaka : 7.25 juta	2.85 juta
Jumlah Pelancong Menginap Tahun 2008	Perlis : 70,800 Melaka : 4.35 juta	2 juta
Jumlah Penduduk	204,400	354,700
Kadar Pertumbuhan Penduduk	Perlis : 1.82% Melaka : 2.1% Malaysia : 2.1%	2.3%
Nisbah Penggunaan Kenderaan Awam vs Kenderaan Persendirian	Perlis : 20 : 80	60 : 40
Tahap Bekalan Air, Elektrik, Talian Tetap, Talian Mudah Alih & Internet	Perlis : 80%	100%
Setinggalan Sifar	2,250	0 (Tahun 2015)
Kemiskinan Sifar	Perlis : 1.7% Melaka : 0.5% Malaysia : 3.6%	0 (Tahun 2015)

Projek 'Flagship'


1. KUALA PERLIS 'PORT CITY'



FUNGSI

- Menguuhkan peranan Kuala Perlis sebagai pintu masuk utama utara negara dan bandar maritim di Negeri Perlis.
- Meningkatkan kecekapan sebagai pusat pendaratan ikan wilayah utara negara.
- Meningkatkan tahap pembangunan dan ekonomi Negeri Perlis.
- Berperanan sebagai terminal tukar barang (barter trade) benepadu.
- Menjadi hab kepada pelancongan bertaraf antarabangsa dan MICE.


2. ZON EKONOMI KHAS PADANG BESAR



FUNGSI

- Meningkatkan potensi pelaburan berteraskan penindustrian, pelancongan dan pembangunan bercampur.
- Menguuhkan peranan sebagai bandar sempadan.
- Meningkatkan tahap ekonomi penduduk dan Negeri Perlis.

3. INFRASTRUKTUR BERTARAF DUNIA



FUNGSI PROJEK

- Mengurangkan kejadian banjir di seluruh kawasan tepubina dan lembangan sungai.
- Menyediakan infrastruktur pengaliran air yang lengkap di seluruh kawasan penanaman padi.
- Meningkatkan keupayaan pembekalan air bersih kepada 100 juta meter padu.
- Menambah jaringan paip bekalan air di kawasan tekanan air rendah.
- Menyediakan kemudahan asas infrastruktur komprehensif bagi menggalakkan pembangunan ekonomi Negeri Perlis.


4. PENJENAMAAN SEMULA KANGAR KEPADA KANGAR MAYA



PERANAN

- Memperkuhkan peranan Bandar Kangar sebagai ibu negeri, pusat pentadbiran dan perkhidmatan utama Negeri Perlis.
- Meningkatkan tahap pembangunan di Bandar Kangar
- Menonjolkan imej yang moden dan mampu berdaya saing - meningkatkan tahap ekonomi Negeri Perlis.
- Menggalakkan pelaburan masuk dan mengukuhkan kekayaan pelabur.

5. DESTINASI PELANCONGAN ANTARABANGSA



Pelancongan Eko

Pelancongan Agro

Pelancongan Makanan dan Membeli-belah